

KUTKM yakin ditauliah MS ISO 9000

Archival News | Berita Harian | 08/07/2003

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yakin akan ditauliahkan pensijilan kualiti MS ISO 9000:2002 menjelang 2005, bagi membuktikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajarannya.

Rektornya, Prof Datuk Dr Mohd Ruddin Ab Ghani, berkata untuk membuktikan pihaknya serius dalam usaha itu, KUTKM menubuhkan Unit Kualiti dan Akreditasi, yang diketuai Prof Dr Mokhtar Yusof.

"Sebagai organisasi yang melatih sumber manusia mahir negara, dasar pembangunan sumber manusia di KUTKM mestilah dirancang dengan teliti supaya pelanggan iaitu pelajar akan sentiasa mendapat kualiti perkhidmatan terbaik.

"Untuk meningkatkan kualiti pendidikan, KUTKM meletakkan mensasarkan 80 peratus daripada pensyarah di kolej ini memegang ijazah kedoktoran (PhD) menjelang 2015.

"Ini sesuai dengan perancangan untuk menambah sehingga 2,000 pelajar pasca siswazah, 10,000 pelajar ijazah pertama dan 3,000 pelajar diploma pada 2010," katanya ketika menghadiri Bengkel Perancangan Strategik KUTKM, di Putrajaya.

KUTKM menetapkan sembilan objektif utama untuk menjadi organisasi pembelajaran dan keilmuan, iaitu memainkan peranan berkesan sebagai penggerak kepada pembangunan perindustrian negara.

Melahirkan graduan yang kompeten yang bersahsiah tinggi; menawarkan program profesional, multidisiplin atau interdisiplin yang berorientasikan aplikasi; menyediakan kurikulum yang mencerminkan dimensi disiplin yang menggalakkan pemikiran kritis dan penyelesaian masalah dan kerja berpasukan.

Mempunyai staf yang kompeten dan berkelayakan tinggi serta mempunyai pengalaman praktikal yang luas; menerajui aktiviti penyelidikan dan pembangunan berdasarkan penyelesaian masalah industri; mengadakan infrastruktur dan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran secara 'hands-on'; perhubungan dan kerjasama dengan universiti-industri; pembangunan penyelidikan gunaan, latihan dan industri.

Perundingan dan pendidikan berterusan serta persekitaran kerja yang indah dan mesra dan akhir sekali ialah mengadakan perkongsian pintar universiti-industri dalam pengajaran dan pembelajaran, pembangunan kursus dan makmal, penyelidikan, pembangunan dan perundingan, inkubator dan kilang pengajaran dan latihan industri ujar beliau lagi.

(END) Source : Berita Harian